

Akur keputusan pembahagian kerusi pilihan raya — Najib

UM: 9/7/2007

BUTTERWORTH 8 Julai — Para pemimpin UMNO perlu akur dengan keputusan pucuk pimpinan parti itu dalam pembahagian kerusi pada pilihan raya akan datang dan menerima hakikat sekiranya kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing diterajui calon parti komponen Barisan Nasional (BN), lain.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pemimpin UMNO termasuk di peringkat bahagian perlu mengamalkan semangat bertolak ansur dan setia kepada parti bagi menjamin kemenangan BN.

Menurut beliau, semua pihak perlu menghormati dasar perkongsian kuasa yang menjadi teras kepada kekuatan BN sebagai parti yang menjadi kepercayaan rakyat berbilang kaum di negara ini sejak sekian lama.

“Kita mesti faham gambaran yang lebih besar bahawa tidak semua kerusi pilihan raya perlu dimiliki oleh UMNO kerana realitinya kita tidak boleh buat semua kerja.

“Ini kerana dalam negara ini, kaum-kaum lain pun ada hak mereka dan apabila mereka bekerjasama dengan kita, tidak ada parti lain yang boleh menggugat kekuatan BN dengan UMNO sebagai penerajunya,” tegas Najib.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bagan di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua UMNO Bahagian Bagan, Datuk Abdul Latiff Mirasa; Bendahari Badan Perhubungan UMNO negeri yang juga Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Zainal Abidin Osman dan Ketua UMNO Bahagian Bukit Mertajam, Senator Datuk Musa Sheikh Fadzir.